

Lelaki mengaku salah guna dadah didenda RM7,000

MIRI: Seorang lelaki didenda RM7,000 atau 12 bulan penjara setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.

Nicholas Ayum Rengal, 20, dari Bandar Baru Permyjaya di sini telah didakwa atas dua tuduhan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000

atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa

kebenaran pihak berkuasa.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh masing-masing pada jam 11.20 pagi, 25 April dan jam 10.30 pagi, 24 Jun tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Bagi tuduhan pertama dan kedua, tertuduh dikenakan denda masing-masing RM3,500 atau enam bulan penjara:

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Ahmad Jani.

Manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.